

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang telah diambil oleh Kementerian susulan daripada kemalangan udara yang melibatkan pesawat persendirian yang berlaku sejak kebelakangan ini?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) pada 13 Mac 2024 telah melengkapkan Laporan Awal bagi kemalangan udara melibatkan pesawat BK 160TR (Nombor Pendaftaran I-POOC) yang berlaku di Kapar, Selangor pada 13 Februari 2024.
2. Laporan Penuh akan dilengkapkan dalam tempoh 1 tahun daripada insiden kemalangan mengikut Annex 13 kepada Konvensyen Penerbangan Awam Antarabangsa – Siasatan Kemalangan dan Insiden Pesawat (ICAO Annex 13).
3. BSKU dalam Laporan Awal telah mengeluarkan cadangan awal untuk Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) meningkatkan kawal selia terhadap pesawat yang didaftarkan di luar negara yang menjalankan penerbangan tidak berjadual di Malaysia. CAAM kini dalam proses menambah baik rangka kerja kawal selia berdasarkan cadangan awal tersebut. CAAM juga akan mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat cadangan tambahan apabila Laporan Penuh dilengkapkan kelak.

Sekian, terima kasih.